



GPP-02-PLANMalaysia@Negeri Sembilan

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

KEMUDAHAN MASYARAKAT

NEGERI SEMBILAN

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)



Cetakan Pertama 2019

© Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam garis panduan perancangan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan.

J U L A I 2 0 1 9

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)

Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri,

70646 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-765 9701, Fax : 06 764 5622

P E M B E R I T A H U A N

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat Negeri Sembilan ini telah dipersetujui oleh **Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.1/2019 pada 15 Mei 2019** untuk digunakan dan telah diluluskan pemakaianya oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan melalui Kertas Mesyuarat No.722/2019 pada 15 Mei 2019**

Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Kemudahan Masyarakat JPBD 19/97 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang sedia ada khususnya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada garis panduan umum dan khusus yang terkandung dalam garis panduan ini perlu diselaraskan dengan rancangan pemajuan (khususnya rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas) yang sedang berkuatkuasa di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan di Negeri Sembilan.

Perlu dirujuk kepada dasar-dasar, pekeliling, arahan dan piawaian-piawaian yang digubal dan dikuatkuasakan oleh PBPT kepada skop kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang serta garis panduan yang lain yang digubal oleh PLANMalaysia@Negeri Sembilan

J U L A I 2 0 1 9

ISI KANDUNGAN

BIL. ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 TUJUAN	5
2.0 LATAR BELAKANG	5
2.1 Definisi	6
2.2 Jenis Kemudahan Masyarakat	6
2.3 Konsep Perancangan	7
2.3.1 Kriteria Perancangan	7
3.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN	9
3.1 Garis Panduan Umum	9
3.2 Garis Panduan Khusus	
3.2.1 Kemudahan Pusat Komuniti	10
3.2.2 Kemudahan Kesihatan	14
3.2.3 Kemudahan Pendidikan	19
3.2.4 Kemudahan Keselamatan	22
3.2.5 Kemudahan Perpustakaan	28
3.2.6 Kemudahan Pusat Kebajikan	32
4.0 PENUTUP	34

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Piawaian Kemudahan Pusat Komuniti	10
Jadual 2	Piawaian Kemudahan Hospital Besar	14
Jadual 3	Piawaian Kemudahan Hospital Daerah	15
Jadual 4	Piawaian Kemudahan Klinik Kesihatan Jenis I – VII	16
Jadual 5	Piawaian Kemudahan Sekolah Menengah	19
Jadual 6	Piawaian Kemudahan Sekolah Rendah	20
Jadual 7	Piawaian Kemudahan Polis (IPK & IPD)	22
Jadual 8	Piawaian Kemudahan Balai Polis	23
Jadual 9	Piawaian Kemudahan Polis (Balai Polis Komuniti)	24
Jadual 10	Piawaian Kemudahan Bomba dan Penyelamat.	26
Jadual 11	Piawaian Kemudahan Perpustakaan (Negeri dan Daerah)	28
Jadual 12	Piawaian Kemudahan Perpustakaan (Pekan/Komuniti)	29
Jadual 13	Piawaian Kemudahan Perpustakaan (Desa)	30
Jadual 14	Piawaian Kemudahan Kebajikan Orang Kurang Upaya	32
Jadual 15	Piawaian Kemudahan Kebajikan Warga Emas	32
Jadual 16	Piawaian Kemudahan Kebajikan Kanak-kanak	33

SENARAI FOTO

Foto 1	Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang telah diluluskan oleh MMKN bertarikh 17 April 2002	5
Foto 2	Keperluan Kemudahan Awam	5
Foto 3	Dewan orang Ramai, Taman Tasik Jaya	6
Foto 4	Klinik Kesihatan Seremban 2	6
Foto 5	Sekolah Rendah Seremban 2	6
Foto 6	Balai Polis Sikamat	6
Foto 7	Perbadanan Perpustakaan Awam	6
Foto 8	Pusat Kebajikan	6
Foto 9	KK Senawang – Jenis II	18
Foto 10	KK Seremban 2 – Jenis II	18
Foto 11	KK Sikamat – Jenis III	18
Foto 12	KK Simpang Durian Jelebu – Jenis IV	18
Foto 13	KK Desa Rhu – Jenis V	18
Foto 14	Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2	21
Foto 15	Sekolah Kebangsaan Lavender Heights	21
Foto 16	Balai Polis Sikamat	25
Foto 17	Balai Polis Senawang	25
Foto 18	Susun atur bangunan bagi Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Kemang	27
Foto 19	Perpustakaan Awam, Komuniti dan Desa Sedia Ada di Negeri Sembilan	31
Foto 20	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Negeri Sembilan	33

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Konsep Perancangan Mengikut Hierarki Kejiranan	8
Rajah 2	Ilustrasi Dewan Orang Ramai	11
Rajah 3	Contoh Pelan Susunatur Dewan Serbaguna	11
Rajah 4	Contoh Pelan Susunatur Dewan Orang Ramai Kategori A	12
Rajah 5	Contoh Pelan Susunatur Dewan Orang Ramai Kategori B	12
Rajah 6	Contoh Pelan Susunatur Balai Komuniti Kategori A	13
Rajah 7	Contoh Pelan Susunatur Balai Komuniti Kategori B	13
Rajah 8	Ilustrasi Kemudahan Kesihatan	17
Rajah 9	Contoh susun atur dan anjakan bangunan bagi Klinik Kesihatan	17
Rajah 10	Susun atur bangunan bagi Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Kemang	27

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat ini disediakan bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan dan agensi-agensi berkaitan dalam mengurus dan mengawal penyediaan kemudahan masyarakat di peringkat rancangan pemajuan dan semasa memproses permohonan kelulusan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak pemaju dan perunding.

Penyediaan garis panduan ini juga berfungsi sebagai alat kawalan perancangan yang seragam untuk semua PBT di Negeri Sembilan bagi memastikan penyediaan kemudahan masyarakat adalah mencukupi mengikut keperluan dan tадahan penduduk setempat.

2.0 LATAR BELAKANG

Garis Panduan Perancangan (GPP) Kemudahan Masyarakat merupakan kemudahan sokongan sesuatu pembangunan bagi memenuhi aspek keperluan sosial individu, keluarga dan masyarakat dari segi kesihatan, pendidikan dan keselamatan serta kebajikan.

Sesuatu pembangunan perumahan yang komprehensif adalah merangkumi kemudahan sokongan yang mencukupi. Kemudahan sokongan ini memberi faktor merit tambahan kepada sudut pandang jualan bagi sesuatu hartanah di sesuatu kawasan.

Amatlah penting semasa penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan untuk mengambil kira perancangan kemudahan masyarakat mengikut keperluan seperti yang ditetapkan dalam garis panduan ini iaitu mengikut peringkat negeri dan tempatan.

Pemakaian garis panduan ini di peringkat tempatan mestilah dikuatkuasakan oleh PBT dalam memberi kelulusan permohonan kebenaran merancang dan kelulusan pelan susunatur.




Foto 1 : Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat yang telah diluluskan oleh MMKN bertarikh 17 April 2002



Foto 2: Keperluan Kemudahan Awam

2.1 Definisi

Kemudahan masyarakat adalah kemudahan yang disediakan oleh pihak tertentu untuk kegunaan orang ramai termasuklah kemudahan pusat komuniti, kesihatan, pendidikan, kebajikan, keselamatan dan perpustakaan seperti klinik, sekolah, taman rekreasi, dewan orang ramai, sekolah dan lain-lain perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti hidup.

2.2 Jenis Kemudahan Masyarakat

GPP Kemudahan masyarakat ini hanya merangkumi kemudahan berikut:-

- (a) Kemudahan Pusat Komuniti;
- (b) Kemudahan Kesihatan;
- (c) Kemudahan Pendidikan;
- (d) Kemudahan Keselamatan dan Kecemasan;
- (e) Kemudahan Perpustakaan; dan
- (f) Kemudahan Pusat Kebajikan.



Foto 3: Dewan Orang Ramai,
Taman Tasik Jaya



Foto 4: Klinik Kesihatan
Seremban 2



Foto 5: Sekolah Rendah
Seremban 2



Foto 6: Balai Polis Sikamat



Foto 7: Perbadanan Perpustakaan
Awam



Foto 8: Pusat Kebajikan


2.3 Konsep Perancangan

2.3.1 Kriteria Perancangan

Konsep perancangan kemudahan masyarakat berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:-

(a) Pengagihan Kemudahan yang seimbang	Pengagihan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan seimbang mengikut hierarki bandar, lokasi bersesuaian dan mencukupi tадahan penduduk.
(b) Kemudahsampaian	Peletakan kemudahan masyarakat perlu menitikberatkan kemudahsampaian kepada pengguna yang mana jarak <i>radius</i> adalah praktikal untuk diakses kepada masyarakat dan ianya berbentuk inklusif.
(c) Keselesaan dan Keselamatan	Perancangan kemudahan masyarakat mestilah disertakan dengan komponen-komponen sokongan seperti tandas, surau, tempat letak kereta dan landskap untuk memberi keselesaan kepada pengguna.
(d) Inklusif	Perancangan kemudahan masyarakat mestilah berbentuk inklusif yang mana ia boleh diakses oleh mana-mana golongan tanpa sekatan kepada awam.
(e) Reka bentuk	Reka bentuk bangunan mestilah menitikberatkan elemen <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> dan reka bentuk sejagat (<i>Universal Design</i>) bagi memberi ciri keselesaan dan keselamatan kepada pengguna.

2.3.2 Hierarki Kejiranian



Rajah 1: Konsep Perancangan Mengikut Hierarki Kejiranian

Rajah 1 menunjukkan contoh hierarki kejiranian berdasarkan anggaran jumlah populasi penduduk. Sub kejiranian melingungi 1,000 penduduk dan 3 sub kejiranian akan membentuk 1 unit kejiranian dengan anggaran 3,000 penduduk. Manakala 3 unit kejiranian akan membentuk 1 bandar atau pekan yang mempunyai anggaran 9,000 hingga 10,000 penduduk.

Setiap hierarki kejiranian memerlukan penyediaan kemudahan masyarakat mengikut fungsinya berdasarkan saiz kejiranian atau tадahan penduduk. Sebagai contoh penyediaan kemudahan komuniti bagi satu sub kejiranian memadai dengan menyediakan sebuah balai komuniti. Manakala, sebuah dewan orang ramai perlu disediakan bagi anggaran 3,000 penduduk dan sebuah dewan serbaguna diperlukan bagi sebuah bandar dengan anggaran 10,000 penduduk.

3.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

3.1 Garis Panduan Umum

Aspek	Garis Panduan Umum
(a) Perancangan Tapak dan Reka Bentuk	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyediaan kemudahan masyarakat mengikut tadahan penduduk, hierarki bandar, kejiranan atau sub kejiranan. ii. Perletakan kemudahan perlulah mudah diakses dan dihubungi oleh rangkaian jalanraya, berdekatan terminal/perhentian pengangkutan awam dan berbentuk inklusif di mana tiada sekatan kepada mana-mana golongan. iii. Keluasan tapak dan ruang lantai yang mencukupi dan mengambil kira keperluan penambahan pembangunan masa hadapan. iv. Perancangan tapak selaras dengan cadangan di dalam rancangan pemajuan. v. Susunatur dan reka bentuk bangunan yang menerapkan elemen teknologi hijau, Universal Design dan Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED). vi. Menitikberatkan keperluan golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak di samping menerapkan elemen mesra pengguna.
(b) Penyediaan Kemudahan Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan ruang solat, tandas, utiliti ruang menunggu dan taman rekreasi. ii. Landskap untuk mengindahkan persekitaran dan mewujudkan suasana ceria dan nyaman. iii. Tempat letak kereta (TLK) yang mencukupi termasuk TLK OKU. iv. Kemudahan laluan pejalan kaki. v. Kemudahan sokongan lain yang menerapkan reka bentuk sejagat untuk semua golongan termasuk OKU, warga emas, kanak-kanak dan sebagainya.
(c) Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	<ul style="list-style-type: none"> i. Keluasan tapak dan ruang lantai yang mencukupi dan mengambil kira keperluan penambahan pembangunan sedia ada dan masa akan datang. ii. Keluasan dan saiz minimum tapak mestilah ditentukan mengikut hierarki kemudahan dan kategori kemudahan.

3.2 Garis Panduan Khusus

3.2.1 Kemudahan Pusat Komuniti

Kemudahan pusat komuniti dikategorikan kepada dewan serbaguna, dewan orang ramai kategori A dan B serta balai komuniti kategori A dan B. Ia ditentukan mengikut hierarki dan anggaran tadahan penduduk yang akan dijana sesuatu pembangunan.


Jadual 1: Piawaian Kemudahan Pusat Komuniti

PIAWAIAN	PUSAT KOMUNITI					
	DEWAN SERBAGUNA	DEWAN ORANG RAMAI		BALAI KOMUNITI		
		A	B	A	B	
Tadahan Penduduk(orang)	> 10,001	6,001-10,000	3,001-6,000	2,001-3,000	1,000-2,000	
Unit Kediaman	> 2,000	1,200-2,000	600-1,200	400-600	200-400	
Keluasan Tapak <ul style="list-style-type: none"> ▪ Luas Binaan ▪ Kapasiti Dewan (orang) 	3.0 ekar Min 30,677 kps 1,500 org	3.0 ekar Min 20,451 kps 1,000 org	1.5 ekar Min 10,225 kps 500 org	1.0 ekar Min 4,090 kps 200 org	0.5 ekar Min 2,090 kps 100 org	
Peletakan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Peletakan di bandar/daerah ▪ Jarak kawasan tampungan 3 km 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan kediaman ▪ Jarak kawasan tampungan 800 m 		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan luar bandar/petempatan kecil ▪ Jarak kawasan tampungan 400 m 		
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap Jalan 40' ▪ Sempadan Bersama 20' 					
Tempat Letak Kenderaan (TLK)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK bagi setiap 25 mps ruang lantai @1 petak TLK / 10 tempat duduk ▪ Tambahan 1 petak motosikal / 50 mps ruang lantai 					
Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi "Universal Design Guidelines" ▪ Penyediaan TLK OKU dengan <i>hand rail</i> dan <i>ramp</i> 					
Komponen Kemudahan	Komponen dalam bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Auditorium ▪ Pentas ▪ Kafeteria ▪ Stor ▪ Gelanggang badminton ▪ Perpustakaan /pusat infomasi ▪ Bilik mesyuarat ▪ Bilik solat ▪ Pejabat ▪ Tandas ▪ Bilik Persalinan Komponen luar bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah sampah ▪ Elemen landskap 	Komponen dalam bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pentas ▪ Stor ▪ Gelanggang badminton ▪ Perpustakaan /pusat infomasi ▪ Bilik mesyuarat ▪ Bilik solat ▪ Pejabat ▪ Tandas Komponen luar bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah sampah ▪ Elemen landskap 		Komponen dalam bangunan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bilik Mesyuarat ▪ Stor ▪ Ruang landskap ▪ Tandas ▪ Bilik Solat 		



Rajah 2: Ilustrasi Dewan Orang Ramai


DEWAN SERBAGUNA (3.0 EKAR)



- Penduduk : >10,001 orang
- Keluasan rizab dewan : 3.00 ekar
- Luas binaan dewan : 30,677 kps
- Kapasiti dewan : 1,500 orang
- Padang Bola : 1 unit

Rajah 3: Contoh Pelan Susun Atur Dewan Serbaguna


DEWAN ORANG RAMAI KATEGORI A (3.0 EKAR)



- Penduduk : 6001-10,000 orang
- Keluasan rizab dewan : 3.0 ekar
- Luas binaan dewan : 20,451 kps
- Kapasiti dewan : 1,000 orang
- Padang Bola : 1 unit

Rajah 4: Contoh Pelan Susun Atur Dewan Orang Ramai Kategori A


DEWAN ORANG RAMAI KATEGORI B (1.5 EKAR)



- Penduduk : 3001-6000 orang
- Keluasan rizab dewan : 1.5 ekar
- Luas binaan dewan : 10,225 kps
- Kapasiti dewan : 500 orang
- Gelanggang futsal : 1 unit

Rajah 5: Contoh Pelan Susun Atur Dewan Orang Ramai Kategori B


BALAI KOMUNITI KATEGORI A (1.0 EKAR)



- Penduduk : 2001-3000 orang
- Keluasan rizab dewan : 1.00 ekar
- Luas binaan dewan : 4,090 kps
- Kapasiti dewan : 200 orang
- Gelanggang futsal : 1 unit

Rajah 6: Contoh Pelan Susun Atur Balai Komuniti Kategori A

BALAI KOMUNITI KATEGORI B (0.5 EKAR)



- Penduduk : 1000-2000 orang
- Keluasan rizab dewan : 0.5 ekar
- Luas binaan dewan : 2,090 kps
- Kapasiti dewan : 100 orang

Rajah 7: Contoh Pelan Susun Atur Balai Komuniti Kategori B

3.2.2 Kemudahan Kesihatan

Kemudahan kesihatan terdiri daripada 3 kategori iaitu hospital besar, hospital daerah dan klinik kesihatan. Bagi keluasan rizab hospital besar ia ditentukan mengikut bilangan katil seperti pada Jadual 2.

Jadual 2: Piawaian Kemudahan Hospital Besar

PIAWAIAN	HOSPITAL BESAR					
Bilangan Katil	750	500	250	125		
Tadahan Penduduk	Min 500,000 orang					
Keluasan Tapak (Min)	40.5-48.5 ekar	32.5-40.5 ekar	20.2-26.4 ekar	20.2-24.3 ekar		
Jalan Perkhidmatan	Min 66'					
Jalan - Keluar Masuk	Min 50'					
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap Jalan 66' ▪ Sempadan Bersama 40' 					
Tempat Letak Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Ambulans (TLA) 					
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 4 katil ▪ 1 petak TLK / 1 doktor dan kakitangan profesional yang lain ▪ 1 petak TLK / 3 kakitangan lain ▪ Tambahan 20% petak TLM ▪ 5 ruang Lay-by untuk teksi menunggu disediakan ▪ 2% petak TLK OKU dengan ramp ▪ Min 2 petak TLA ▪ Tambahan 20% petak TLK untuk pesakit luar 		<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 3 katil ▪ 1 petak TLK / 1 doktor dan kakitangan profesional yang lain ▪ 1 petak TLK / 3 kakitangan lain ▪ Tambahan 10% petak TLM ▪ 2% petak TLK OKU dengan ramp ▪ Min 2 petak TLA ▪ Tambahan 20% petak TLK untuk pesakit luar 			
Kemudahan OKU	Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi ' <i>Universal Design Guidelines</i> '					
Komponen Kemudahan	<p>Komponen Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan pesakit luar – jabatan kecemasan, klinik pakar ▪ Perkhidmatan pesakit dalam – wad pesakit (wad pesakit biasa dan wad rawatan intensif) ▪ Perkhidmatan rawatan dan diagnostik – pengimejan, patologi, mortuari, bilik bersalin, dewan bedah, rawatan harian, unit hemodialisis dan lain-lain ▪ Perkhidmatan sokongan perubatan – farmasi, unit bekalan dan pensterilan, unit rehabilitasi perubatan, stor perubatan dan lain-lain. ▪ Perkhidmatan sokongan lain – katering, kejuruteraan, linen dan lain-lain ▪ Pentadbiran hospital ▪ Latihan ▪ Kemudahan kakitangan – tempat letak kereta kakitangan, kuarters, bilik doktor atas panggilan dan lain-lain <p>Komponen Kemudahan Sokongan Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat letak kereta awam ▪ Kantin/kafetaria ▪ Pusat asuhan kanak-kanak ▪ Surau ▪ Bilik/ruang rehat ▪ Laluan pejalan kaki ▪ Tempat menunggu ▪ Taman awam dan taman permainan kanak-kanak <p>Kemudahan Pembelajaran Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Research & quality assurance ▪ Tambahan ruang/klinik/wad khas bagi hospital pakar ▪ Ruang pejabat/pentadbiran ▪ Pos kawalan sekuriti ▪ Kantin/kafeteria ▪ Balai pelawat/lobi ▪ Surau ▪ Tandas ▪ Gelanggang sukan dan rekreasi ▪ Asrama/kuarters ▪ Papan tanda nama dan alamat bangunan 					

Keperluan kapasiti bagi hospital daerah adalah maksima 100 katil dengan hanya menampung tадahan penduduk 50,000 orang sepetimana Jadual 3.

Jadual 3: Piawaian Kemudahan Hospital Daerah

PIAWAIAN	HOSPITAL DAERAH
Bilangan Katil	< 100
Tадahan Penduduk	Min 50,000 orang
Keluasan Tapak	Min 20.2 - 24.3 ekar
Jalan Perkhidmatan	Min 66'
Lebar Jalan - Keluar Masuk	Min 50'
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap Jalan 66' ▪ Sempadan Bersama 40'
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Ambulans (TLA) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 3 katil ▪ 1 petak TLK / 1 doktor dan kakitangan profesional yang lain ▪ 1 petak TLK / 3 kakitangan lain ▪ Tambahan 10% petak TLM ▪ 2% petak TLK OKU dengan <i>ramp</i> ▪ Min 2 petak TLA ▪ Tambahan 20% petak TLK untuk pesakit luar
Kemudahan OKU	Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi ' <i>Universal Design Guidelines</i> '
Komponen Kemudahan	<p>Komponen Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan pesakit luar – jabatan kecemasan, klinik pakar ▪ Perkhidmatan pesakit dalam – wad pesakit (wad pesakit biasa dan wad rawatan intensif) ▪ Perkhidmatan rawatan dan diagnostik – pengimejan, patologi, mortuari, bilik bersalin, dewan bedah, rawatan harian, unit hemodialisis dan lain-lain ▪ Perkhidmatan sokongan perubatan – farmasi, unit bekalan dan pensterilan, unit rehabilitasi perubatan, stor perubatan dan lain-lain. ▪ Perkhidmatan sokongan lain – katering, kejuruteraan, linen dan lain-lain ▪ Pentadbiran hospital ▪ Latihan ▪ Kemudahan kakitangan – tempat letak kereta kakitangan, kquarters, bilik doktor atas panggilan dan lain-lain <p>Komponen Kemudahan Sokongan Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat letak kereta awam ▪ Kantin/kafetaria ▪ Pusat asuhan kanak-kanak ▪ Surau ▪ Bilik/ruang rehat ▪ Laluan pejalan kaki ▪ Tempat menunggu ▪ Taman awam dan taman permainan kanak-kanak <p>Kemudahan Pembelajaran Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Research & quality assurance</i> ▪ Tambahan ruang/klinik/wad khas bagi hospital pakar ▪ Ruang pejabat/pentadbiran ▪ Pos kawalan sekuriti ▪ Kantin/kafetaria ▪ Balai pelawat/lobi ▪ Surau ▪ Tandas ▪ Gelanggang sukan dan rekreasi ▪ Asrama/kquarters ▪ Papan tanda nama dan alamat bangunan

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan


Klinik kesihatan terdiri daripada tujuh jenis dan dikelaskan mengikut bilangan pesakit iaitu Jenis I, II, III, IV, V, VI dan VII. Jenis klinik kesihatan ini pula dianggarkan dapat menampung keperluan pesakit maksima 800 orang. Keluasan tapak bagi setiap jenis klinik telah mengambil kira komponen-komponen sokongan bagi pembangunan klinik tersebut.

Jadual 4: Piaawaian Kemudahan Klinik Kesihatan Jenis I – VII

PIAWAIAN		KLINIK KESIHATAN						
Jenis		JENIS I	JENIS II	JENIS III	JENIS IV	JENIS V	JENIS VI	JENIS VII
Bilangan Pesakit		> 800	500-800	300-500	150-300	100-150	50-100	30-50
Tadahan Penduduk (orang)		<50,001		30,001 - 50,000	20,001 - 30,000	10,001 - 20,000	5,001 - 10,000	5,000
Keluasan Tapak Min (ekar)		> 6.0	5.0	4.0	3.7	3.0	2.0	1.5
Kuarters Min (ekar)		4.0	3.5	3.0	2.5	2.0	1.5	1.0
Jalan Perkhidmatan		Min 66'						
Lebar Jalan - Keluar Masuk		Min 50'						
Anjakan Bangunan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20' 						
Tempat Letak Kenderaan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 25 mps ruang lantai kasar ▪ Tambahan 50% petak TLM ▪ 2% petak TLK OKU dengan ramp ▪ Min 1 petak TLA 						
▪ Tempat Letak Kereta (TLK)								
▪ Tempat Letak Motosikal (TLM)								
▪ TLK OKU								
▪ Tempat Letak Ambulans (TLA)								
▪ Kemudahan (OKU)		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi 'Universal Design Guidelines' 						
▪ Komponen Kemudahan		Komponen Utama (KK Jenis I – V sahaja) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Klinik ibu & anak ▪ Klinik pesakit luar (termasuk unit kecemasan) ▪ Klinik kesihatan pergigian Komponen Sokongan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sokongan klinikal termasuk farmasi, lab, x-ray dan rehabilitasi (KK Jenis I – KK Jenis III sahaja) ▪ Ruang perkhidmatan kesihatan ▪ Pejabat pentadbiran ▪ Stor-stor perubatan ▪ Server room (kesesuaian) ▪ Unit rekod perubatan ▪ Kemudahan kakitangan seperti bilik rehat, tandas, tempat letak kereta kakitangan, dll. Komponen Kemudahan Sokongan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat letak kenderaan ▪ Bilik sembahyang ▪ Tandas ▪ Bilik tukar lampin bayi ▪ Bilik penyusuan bayi ▪ Tempat menunggu ▪ Kantin/kafeteria 						



Rajah 8: Ilustrasi Kemudahan Kesihatan



Rajah 9: Contoh susun atur dan anjakan bangunan bagi Klinik Kesihatan

Sumber: Semakan semula Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, Bahagian Kawalan dan Pemantauan Perancangan, PLANMalaysia@Negeri Sembilan



Foto 9: KK Senawang – Jenis II



Foto 10: KK Seremban 2 – Jenis II



Foto 11: KK Sikamat – Jenis III



Foto 12: KK Simpang Durian Jelebu – Jenis IV



Foto 13: KK Desa Rhu – Jenis V

3.2.3 Kemudahan Pendidikan

Kemudahan Pendidikan melibatkan 2 kategori iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah. Satu tapak rizab sekolah menengah perlu disediakan bagi setiap janaan penduduk minima 9,000 orang yang melibatkan 1,800 unit sepetimana Jadual 5.

Jadual 5: Piawaian Kemudahan Sekolah Menengah

PIAWAIAN	SEKOLAH MENENGAH
Tadahan Penduduk	≥ 9,000 orang (1,800 unit kediaman)
Perletakan Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Terletak dalam jarak yang sesuai dengan kawasan penduduk tadahan (berhampiran dengan atau dalam kawasan perumahan) ▪ Jarak dan masa perjalanan di dalam lingkungan 0.8 hingga 1.6 km (1/2 hingga 1 batu dengan masa perjalanan 20 minit berjalan kaki)
Keluasan Tapak	Min 8 ekar
Nisbah Murid/Kelas	35 pelajar/kelas
Jalan Perkhidmatan	Min 66'
Lebar Jalan - Keluar Masuk	Min 50'
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20'
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) ▪ TLK OKU 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 1 bilik darjah x 1.5 ▪ Tambahan 20% petak TLK pelawat ▪ Tambahan 2 petak TLM / 30 pelajar ▪ 2% petak TLK OKU
Tanah Lapang, Lanskap dan Rekreasi	Disediakan di dalam kawasan pembangunan
Perimeter Planting	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Untuk anjakan bangunan 12.2 m (40'), <i>perimeter planting</i> minimum 3.1 m (10') dan termasuk dalam jarak anjakan bangunan ▪ Untuk anjakan bangunan 6.1 m (20'), <i>perimeter planting</i> minimum 3.1 m (10') dan tidak termasuk dalam jarak anjakan bangunan
Komponen Kemudahan	<p>Komponen Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pejabat pentadbiran ▪ Bilik guru ▪ Stor ▪ Perpustakaan ▪ Kantin ▪ Dewan ▪ Padang permainan/ padang bola sepak ▪ Gelanggang permainan ▪ Makmal sains/komputer ▪ Taman riadah <p>Komponen Kemudahan Tambahan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bengkel/bilik makmal dan makmal komputer ▪ Menara tangki air dan pencawang elektrik ▪ <i>Lay-by</i> (lebar min 3.5 m) untuk <i>drop-off</i> dan <i>pick-up</i> bagi bas sekolah dan kereta di perkaranan sekolah ▪ Tempat menunggu berbumbung ▪ Gelanggang bola jaring ▪ <i>Ramp</i> dan <i>hand rail</i> ▪ Tandas dan laluan OKU <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pondok pengawal ▪ Tempat pembuangan sampah ▪ Tempat letak kereta /motosikal/basikal untuk kakitangan, pelajar dan pelawat ▪ <i>Lay-by</i> untuk bas dan kereta ▪ Laluan pejalan kaki ▪ Surau ▪ Bilik air dan tandas

Manakala satu tapak rizab sekolah rendah perlu disediakan bagi setiap janaan penduduk minima 3,000 orang yang melibatkan 600 unit sepermulaan Jadual 6.

Jadual 6: Piawaian Kemudahan Sekolah Rendah

PIAWAIAN	SEKOLAH RENDAH
Tadahan Penduduk	Min 3,000 orang (600 unit kediaman)
Perletakan Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jarak dan masa perjalanan di dalam lingkungan 0.4-0.8 km dengan masa perjalanan 10 minit berjalan kaki ▪ Jauh dari persimpangan ▪ Akses terus kepada jalan 20.1 m (66') (di dalam kawasan perumahan) ▪ Mempunyai laluan pengangkutan awam
Keluasan Tapak	Min 6 ekar
Nisbah Murid/Kelas	35 pelajar/kelas
Jalan Perkhidmatan	Min 66'
Lebar Jalan - Keluar Masuk	Min 50'
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20'
Tempat Letak Kenderaan ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) ▪ TLK OKU	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 1 bilik darjah x 1.5 ▪ Tambahan 20% petak TLK untuk pelawat ▪ Tambahan 20% petak TLM ▪ 2% petak TLK OKU
Tanah Lapang, Lanskap dan Rekreasi	Disediakan di dalam kawasan pembangunan
Perimeter Planting	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Untuk anjakan bangunan 12.2 m (40'), <i>perimeter planting</i> minimum 3.1 m (10') dan termasuk dalam jarak anjakan bangunan ▪ Untuk anjakan bangunan 6.1 m (20'), <i>perimeter planting</i> minimum 3.1 m (10') dan tidak termasuk dalam jarak anjakan bangunan
Komponen Kemudahan	<p>Komponen Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pejabat pentadbiran dan pengetua • Bilik guru • Perpustakaan • Bengkel dan bilik makmal • Kantin • Dewan • Padang permainan/ padang bola sepak • Stor • Taman riadah • Gelanggang permainan • Pondok pengawal • Tempat pembuangan sampah • Tempat letak kereta kendaraan bagi kakitangan dan pelawat • <i>Lay-by</i> untuk bas / kereta <p>Komponen Kemudahan Tambahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelas pra sekolah • Bengkel/bilik makmal dan makmal komputer • Menara tangki air dan pencawang elektrik • <i>Lay-by</i> (lebar min 3.5 m) untuk drop-off dan pick-up bagi bas sekolah dan kereta di perkarangan sekolah • Tempat menunggu berbumbung



Foto 14 & Foto udara 1: Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2



Foto 15 & Foto udara 2: Sekolah Kebangsaan Lavender Heights

3.2.4 Kemudahan Keselamatan dan Kecemasan

Kemudahan keselamatan dan kecemasan terdiri daripada 2 jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan polis dan perkhidmatan bomba.

Jadual 7: Piawaian Kemudahan Polis (IPK & IPD)

PIAWAIAN	IBU PEJABAT KONTINJEN & IBU PEJABAT DAERAH	
Hierarki	Ibu Pejabat Kontinjen (IPK)	Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)
Peringkat	Setiap Ibu Negeri /Wilayah	Setiap Daerah (mengikut Pentadbiran PBT)
Keluasan	15-20 ekar	10-15 ekar
Jalan Perkhidmatan	Min 66'	
Lebar Jalan - Keluar Masuk	Min 66'	
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 66' ▪ Sempadan bersama 40' 	
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	Kawasan Pentadbiran 1 petak TLK / 46 mps luas lantai kasar <ul style="list-style-type: none"> ▪ 2% petak TLK OKU dengan <i>ramp</i> ▪ Tambahan 20% petak TLM 	Kawasan Kuarters 1 unit kediaman / 1 petak TLK + 10% petak TLK untuk pelawat
Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU)	Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi " <i>Universal Design Guidelines</i> "	
Komponen Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pejabat ketua polis ▪ Cawangan pentadbiran ▪ Bilik gerakan ▪ Cawangan kewangan /pembangunan ▪ Jabatan siasatan jenayah(komersial) ▪ Jabatan siasatan jenayah (narkotik) ▪ Jabatan cawangan khas ▪ Jabatan ketenteraman awam/trafik ▪ Bilik jentera ▪ Logistik (cawangan komunikasi, cawangan kenderaan, stor bekalan dan cawangan senjata) ▪ Kemudahan keselamatan ▪ Kemudahan latihan/ persendirian 	
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rumah kediaman ▪ Tempat letak kereta ▪ Surau ▪ Ruang landskap ▪ Kemudahan stor/pusat penyimpanan barang. ▪ Kemudahan kawasan penyimpanan sementara kenderaan kes kemalangan/ kecurian ▪ Lokap polis ▪ Dewan serbaguna ▪ Kemudahan <i>one stop centre</i> ▪ Kemudahan ICT, CCTV, bilik rakan COPS dan C4I (<i>command, controls, communications, computer & information</i>) 	

Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2018

Jadual 8: Piauaian Kemudahan Polis (Balai Polis)

PIAWAIAN		BALAI POLIS			
Hierarki (Kategori)		A	B	C	D
Tadahan Penduduk (orang)		50,000	40,000	30,000	15,001
Keluasan		5-10 ekar			2.5 ekar
Jalan Perkhidmatan		Min 66'			
Lebar Jalan - Keluar Masuk		Min 50'			
Anjakan Bangunan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20' 			
Tempat Letak Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	Kawasan Pentadbiran 1 petak TLK / 46 mps luas lantai kasar	Kawasan Kuarters 1 unit kediaman / 1 petak TLK + 10% petak TLK untuk pelawat		
Komponen Kemudahan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bangunan balai ▪ Garaj ▪ Rumah kediaman/ kuarters ▪ Padang permainan ▪ Kemudahan keselamatan ▪ Berek bujang (jika perlu) ▪ Tempat letak kereta ▪ Tempat letak motosikal ▪ Surau ▪ Ruang landskap ▪ Kemudahan stor ▪ Pusat penyimpanan khas kenderaan kes seperti kemalangan, kenderaan curi (dimasukkan) ▪ Kemudahan kawasan penyimpanan sementara kenderaan kes kemalangan/ kecurian ▪ Lokap polis ▪ Kemudahan <i>one stop centre</i> ▪ Kemudahan ICT, CCTV, bilik C4i (<i>command, controls, communications, computer & information</i>) dan rakan COPS ▪ Pagar keselamatan 			

Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2018

Jadual 9: Piawaian Kemudahan Polis (Balai Polis Komuniti)

PIAWAIAN	BALAI POLIS KOMUNITI
Tadahan Penduduk	5,000-15,000 orang
Keluasan	2.5 ekar
Jalan Perkhidmatan	Min 66'
Lebar Jalan - Keluar Masuk	Min 50'
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20'
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 46 mps luas lantai kasar ▪ Tambahan 2% petak TLK OKU dengan ramp ▪ Tambahan 20% petak TLM
Komponen Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kaunter pertanyaan ▪ Bilik maklumat/bilik mesyuarat ▪ Kemudahan keselamatan ▪ Rumah jentera ▪ Tempat letak kereta ▪ Tempat letak motosikal ▪ Kemudahan stor/ penyimpanan barang kes ▪ Kemudahan <i>one stop centre</i> ▪ Kemudahan ICT dan CCTV ▪ Pagar keselamatan

Sumber: Polis Diraja Malaysia, 2018



Foto 16 & Foto udara 3: Balai Polis Sikamat



Foto 17 & Foto udara 4: Balai Polis Senawang

Bagi perkhidmatan bomba, terdapat 4 kategori balai bomba yang dijelaskan seperti pada Jadual 10.

Jadual 10: Piawaian Kemudahan Bomba dan Penyelamat

PIAWAIAN		BALAI BOMBA			
Hierarki (Kategori)		A	B	C	D
Kriteria Perancangan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan bandar utama ▪ Ibu negeri ▪ Pusat perindustrian utama ▪ Perindustrian berisiko tinggi ▪ Pusat perdagangan utama ▪ Pusat strategik kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan pinggiran bandar utama ▪ Ibu negeri ▪ Kawasan pelabuhan ▪ Lapangan terbang utama ▪ Sempadan utama negeri 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan luar bandar ▪ Bandar Diraja ▪ Pulau besar ▪ pergunungan peranginan ▪ Pekan ▪ Daerah pentadbiran baru. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kawasan luar bandar ▪ Pulau kecil ▪ Pergunungan ▪ Pekan kecil yang jauh daripada kemudahan Bomba dan Penyelamat
Tadahan Penduduk (orang)		> 150,001	110,001-150,000	75,001-110,000	35,000-75,000
Kategori Risiko		Very High Risk (A)	High Risk (B)	Moderate Risk (C)	Low Risk (D)
Keperluan Jentera		3 FRT + Special Vehicle	2 FRT + Special Vehicle	1 FRT + Special Vehicle	1 Fire Rescue Tender (FRT)
Keluasan Tapak (Min)		3.0-5.0 ekar	3.0-4.0 ekar	1.5-3.0 ekar	0.5-1.0 ekar
Jalan Perkhidmatan		Min 66'			
Lebar Jalan - Keluar Masuk		Min 50'			
Anjakan Bangunan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20' 			
Tempat Letak Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	Kawasan Pentadbiran 1 petak TLK / 46 mps luas lantai kasar		Kawasan Kuarters 1 unit kediaman / 1 petak TLK + 10% petak TLK untuk pelawat	
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tambahan 2% petak TLK OKU dengan ramp ▪ Tambahan 20% petak TLM 			
Komponen Kemudahan		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balai Bomba 3 Petak ▪ Menara Kawad ▪ Padang Kawad ▪ Pondok Pengawal ▪ Kolah Air Terbuka ▪ Stor Lojistik ▪ TLK Berbumbung ▪ Kuarters (mengikut keperluan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balai Bomba 2 Petak ▪ Menara Kawad ▪ Padang Kawad ▪ Pondok Pengawal ▪ Kolah Air Terbuka ▪ Stor Lojistik ▪ TLK Berbumbung ▪ Kuarters (mengikut keperluan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balai Bomba 1 Petak ▪ Stor Logistik 	

Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan, 2018



Foto 18 & Rajah 10: Susun atur bangunan bagi Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Kemang
Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan, 2018

3.2.5 Kemudahan Perpustakaan

Kemudahan perpustakaan awam terdiri daripada perpustakaan negeri, perpustakaan daerah, perpustakaan komuniti atau pekan dan perpustakaan desa. Ia ditentukan mengikut hierarki bandar dan tadahan penduduk.

Jadual 11: Piawaian Kemudahan Perpustakaan (Negeri dan Daerah)

PIAWAIAN	PERPUSTAKAAN	
Hierarki	Perpustakaan Negeri	Perpustakaan Daerah
Tadahan Penduduk (orang)	> 500,000	50,001-500,000
Keluasan Tapak (Min)	4.0 ekar	1.5 ekar
Luas Binaan	118,403 kps	23,002 kps
Jalan Perkhidmatan	Min 50'	
Jalan Keluar-Masuk	Min 40'	
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20' 	
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 46.4 mps (500 kps) luas lantai + 20% petak TLK untuk pelawat ▪ Tambahan 1 petak TLM / 50 mps (538.3 kps) luas lantai kasar ▪ Tambahan 2% petak TLK OKU dengan <i>ramp</i> 	
Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)	Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi " <i>Universal Design Guidelines</i> "	
Komponen Kemudahan Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ruang pejabat ▪ Bilik mesyuarat ▪ Bahagian pentadbiran ▪ Perkhidmatan perpustakaan ▪ Ruang masuk ▪ Lobi & kaunter ▪ Dewan pameran ▪ Bahagian perkhidmatan pengguna ▪ Pusat pemprosesan & dokumentasi bahan ▪ Perkhidmatan perpustakaan ▪ Bilik serbaguna ▪ Bilik rehat ▪ Ruang solat ▪ Tandas ▪ Lokar ▪ Ruang pemunggah 	

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, 2018

Jadual 12: Piawaian Kemudahan Perpustakaan (Pekan/Komuniti)

PIAWAIAN	PERPUSTAKAAN
Hierarki	Perpustakaan Pekan/komuniti
Tadahan Penduduk	10,001-50,000 orang
Keluasan Tapak (Min)	1.0 ekar
Luas Binaan	15,004 kps
Jalan Perkhidmatan	Min 50'
Jalan Keluar –Masuk	Min 40'
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20'
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 46.4 mps (500 kps) luas lantai + 20% petak TLK untuk pelawat ▪ 1 petak TLM / 50 mps (538.3 kps) luas lantai kasar ▪ Tambahan 2% petak TLK OKU dengan ramp
Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)	Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi " <i>Universal Design Guidelines</i> "
Komponen Kemudahan Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ruang pejabat ▪ Perkhidmatan perpustakaan ▪ Bilik serbaguna ▪ Bilik rehat ▪ Ruang solat ▪ Tandas ▪ Lokar pembaca ▪ Ruang pemunggah ▪ Perkhidmatan perpustakaan ▪ Ruang masuk, lobi,kaunter & pameran ▪ Ruang simpanan (lokar) ▪ Tandas

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, 2018

Jadual 13: Piawaian Kemudahan Perpustakaan (Desa)

PIAWAIAN	PERPUSTAKAAN
Hierarki	Perpustakaan Desa
Tadahan Penduduk	500-10,000 orang
Keluasan Tapak (Min)	0.14 ekar
Luas Binaan	1,496 kps
Jalan Perkhidmatan	Min 50'
Jalan Keluar –Masuk	Min 40'
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghadap jalan 40' ▪ Sempadan bersama 20'
Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tempat Letak Kereta (TLK) ▪ TLK OKU ▪ Tempat Letak Motosikal (TLM) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1 petak TLK / 46.4 mps (500 kps) luas lantai + 20% petak TLK untuk pelawat ▪ Tambahan 1 petak TLM / 50 mps (538.3 kps) luas lantai kasar ▪ Tambahan 2% petak TLK OKU dengan <i>ramp</i>
Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)	Menyediakan kemudahan untuk golongan OKU dan mematuhi " <i>Universal Design Guidelines</i> "
Komponen Kemudahan Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan perpustakaan ▪ Ruang lokar ▪ Ruang solat ▪ Tandas

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, 2018



Perpustakaan Awam Cawangan Jelebu



Perpustakaan Awam Cawangan Rembau



Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah



Perpustakaan Komuniti Tan Sri Abdul Kadir Yusof Taman Tasik Jaya



Perpustakaan Desa Masjid Kariah Sikamat



Perpustakaan Desa Kampung Bahagia Jiboi

Foto 19: Perpustakaan Awam, Komuniti dan Desa Sedia Ada di Negeri Sembilan

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, 2018

3.2.6 Kemudahan Pusat Kebajikan

Kemudahan kebajikan terbahagi kepada pusat kebajikan orang kurang upaya, warga emas dan kanak-kanak. Kemudahan ini perlu bagi yang tiada tempat perlindungan dari waris atau kurang berkemampuan bagi menjaga hal ehwal kebajikan.

Jadual 14: Piawaian Kemudahan Kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU)

PIAWAIAN	KEMUDAHAN PUSAT KEBAJIKAN OKU
Kemudahan Kebajikan	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk orang kurang upaya
Bilangan Kapasiti	30 orang/pusat
Keluasan Tapak (Min)	0.6-1.0 ekar *mengikut kesesuaian premis dan jenis bangunan
Komponen	<ul style="list-style-type: none"> • Lobi OKU • Ruang pejabat • Bilik petugas • Bilik mesyuarat • Stor • Tandas • Tandas mesra OKU • Bilik pantri • Surau • Tempat letak kenderaan khas • Pagar kawasan • Bilik tidur lelaki • Bilik tidur perempuan • Mematuhi "Universal Design Guidelines"

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, 2018

Jadual 15: Piawaian Kemudahan Kebajikan Warga Emas

PIAWAIAN	KEMUDAHAN PUSAT KEBAJIKAN WARGA EMAS
Kemudahan Kebajikan	Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)
Bilangan Kapasiti	30 orang/pusat
Keluasan Tapak (Min)	0.7-1.0 ekar *mengikut kesesuaian premis dan jenis bangunan
Komponen	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunter pejabat • Ruang rehat • Ruang aktiviti • Ruang makan • Ruang tidur lelaki • Ruang tidur perempuan • Bilik suis • Tandas dan bilik mandi lelaki • Tandas dan bilik mandi perempuan • Tempat letak kenderaan khas • Rumah sampah ▪ Mematuhi "Universal Design Guidelines"

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, 2018

Jadual 16: Piawaian Kemudahan Kebajikan Kanak-Kanak

PIAWAIAN	KEMUDAHAN PUSAT KEBAJIKAN KANAK-KANAK
Kemudahan Kebajikan	Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK)
Bilangan Kapasiti	30 orang/pusat
Keluasan Tapak (Min)	0.2-1.0 ekar *mengikut kesesuaian premis dan jenis bangunan
Komponen	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kaunter pejabat ▪ Ruang rehat ruang aktiviti ▪ Ruang makan ▪ Bilik tidur lelaki ▪ Bilik tidur perempuan ▪ Bilik suis ▪ Tandas dan bilik mandi lelaki ▪ Tandas dan bilik mandi perempuan ▪ Tempat letak kenderaan khas ▪ Rumah sampah ▪ Pagar kawasan ▪ Mematuhi "Universal Design Guidelines"

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, 2018



PPDK Felda Kepis



PPDK Telok Kemang



PPDK Kuala Kelawang



PPDK Tampin

Foto 20: Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan, 2018

4.0 PENUTUP

Garis panduan ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan garis panduan umum, garis panduan khusus dan piawaian perancangan yang perlu dipatuhi dalam memastikan penyediaan kemudahan yang mencukupi mengikut keperluan penduduk, peruntukan perundangan dan dasar semasa.

Memberi penekanan kepada aspek-aspek utama iaitu perancangan tapak, reka bentuk seperti keluasan tapak, keluasan lantai, anjakan bangunan dan jarak perjalanan manakala bagi aspek susun atur pula memberi penekanan penyediaan komponen kemudahan seperti surau atau ruang solat, bilik mesyuarat, bilik kawalan,ruang pameran dan keperluan-keperluan lain.

Adalah menjadi hasrat di peringkat kerajaan negeri agar aspek-aspek yang dicadangkan di dalam garis panduan ini dapat dipatuhi dan memandu PBT dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan memantau pembangunan secara lebih berkesan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan)

Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri,

70646 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel : 06-765 9701, Fax : 06 764 5622

Laman Sesawang :<http://jpbd.ns.gov.my>